

20/08/1999

Usahawan digesa manfaat teknologi

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa usahawan Malaysia memanfaatkan teknologi yang dimiliki untuk memperbaiki taraf hidup penduduk negara dunia ketiga yang menjadi sasaran pasaran mereka.

Beliau yang mengunjungi Expo Cintai Malaysia '99 yang sedang berlangsung di Pusat Pameran The Mines, Seri Kembangan, Selangor, semalam berkata sebagai negara membangun, Malaysia sudah memiliki pelbagai teknologi.

Sehubungan itu, teknologi berkenaan perlu digunakan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk negara yang kurang membangun.

Pada pameran barangan buatan Malaysia itu, Abdullah turut mengunjungi ruang pameran I-Bhd yang memperagakan barangan peralatan elektrik keluarannya.

Ekspo berkenaan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu berlangsung sehingga Ahad ini.

Abdullah yang kagum dengan keupayaan syarikat tempatan mengeluarkan barangan elektrik bermutu menggesa pengeluar tempatan meninjau pasaran yang lebih besar dan mempromosikan barangan buatan Malaysia di luar negara.

Antara barangan keluaran I-Bhd (sebelum ini Neico Industries (M) Bhd) ialah penyaman udara, kipas angin, periuk nasi elektrik dan peti sejuk.

Neico bertukar namanya kepada I-Bhd berikutan pengambilalihan 55.54 peratus ekuitinya oleh Kumpulan Sumurwang baru-baru ini.

(END)